

# LANPRO GASTRO-RESISTANT CAPSULES

Lansoprazole (30 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan LANPRO
2. Bagaimana LANPRO berfungsi
3. Sebelum mengambil LANPRO
4. Cara menggunakan LANPRO
5. Semasa menggunakan LANPRO
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan LANPRO
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan LANPRO

Lansoprazole digunakan dalam rawatan ulser duodenum, ulser gastrik bukan kanser, esofagitis refluks dan Sindrom Zollinger Ellison.

**Esofagitis refluks:** Ia adalah keradangan (tindakan badan terhadap kecederaan) esofagus (paip makanan) yang disebabkan oleh aliran balik asid perut ke dalam paip makanan.

**Sindrom Zollinger Ellison:** Ia adalah gangguan penghasilan di mana lebih asid perut dihasilkan kerana tumor di pankreas atau duodenum. Gejala biasa ulser dan Sindrom Zollinger Ellison adalah sakit perut, kembung, loya, dalam kes-kes yang teruk terdapat darah dalam najis atau muntah darah, kehilangan selera makan dan kelemahan.

## Bagaimana LANPRO berfungsi

Lansoprazole adalah ubat yang tergolong dalam kategori yang dikenali sebagai perencat pam proton. Lansoprazole berfungsi dengan menghalang pelepasan asid perut di dalam perut.

## Sebelum mengambil LANPRO

### - Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alah kepada lansoprazole atau kepada sebarang komponen lain dalam ubat ini
- Jika anda mengambil ubat yang mengandungi bahan aktif atazanavir (ubat yang digunakan dalam rawatan *Human Immunodeficiency Virus*)
- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil atau menyusu

### - Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai apa-apa keadaan perubatan yang berikut:

- Sekiranya anda mempunyai penyakit hati yang sederhana hingga serius
- Jika anda mempunyai osteoporosis
- Sekiranya anda bakal menjalani ujian darah tertentu (*Chromogranin A*), rawatan Lanpro harus dihentikan selama sekurang-kurangnya 5 hari sebelum ujian darah
- Sebarang sejarah perubatan lain yang anda rasa berkaitan untuk diberitahu. Doktor anda akan menyediakan beberapa ujian untuk mengecualikan tumor gastrik kerana Lanpro boleh menyembunyikan gejala tersebut.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi bahawa anda mengambil mana-mana ubat berikut:

- Theophylline (digunakan untuk merawat asma)
- Antacid (digunakan untuk merawat pedih ulu hati atau regurgitasi asid)
- Sucralfate (digunakan untuk penyembuhan ulser)
- Warfarin (digunakan untuk mencegah pembekuan darah, serangan jantung)
- Phenytoin, carbamazepine (digunakan untuk merawat sawan)
- Ampicillin, atazanavir, ketoconazole (digunakan untuk merawat jangkitan)
- Digoxin (digunakan untuk merawat masalah jantung)
- Garam zat besi

Antacid dan sucralfate tidak boleh diambil dalam satu jam dari pengambilan Lanpro.

## Cara menggunakan LANPRO

Kapsul Lanpro harus diambil secara bulat-bulat dan jumlah amaun harian perlu diambil sebagai dos tunggal dengan air.

### - Berapa banyak harus digunakan

Kapsul Lanpro perlu diambil tepat mengikut nasihat doktor anda. Doktor boleh meningkatkan atau mengurangkan dos mengikut keadaan penyakit anda. Dos biasa lansoprazole adalah 30 mg sekali sehari.

### - Bila perlu digunakan

Kapsul Lanpro perlu diambil sekurang-kurangnya 30 minit sebelum makanan pada masa yang sama setiap hari.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ambil kapsul Lanpro untuk jangka masa antara 2 minggu hingga 8 minggu sehingga doktor memberitahu anda untuk berhenti. Bercakap dengan doktor anda jika anda mendapat kesan yang terlalu kuat atau lemah daripada Lanpro.

### - Jika terlupa menggunakan

Adalah penting untuk mengambil kapsul Lanpro secara tetap seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Jika anda terlupa mengambil dos, ambil ia sebaik sahaja anda ingat.

Jika anda ingat pada masa dos anda seterusnya, teruskan dengan dos seterusnya seperti biasa. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos terlepas kerana ia boleh meningkatkan risiko kesan sampingan.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya anda menelan lebih banyak Lanpro daripada yang diinginkan, hubungi doktor anda atau pergi ke unit kecemasan hospital terdekat dengan segera.

## Semasa menggunakan LANPRO

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil dos betul-betul seperti yang diarahkan oleh doktor anda dan tidak melangkau dos

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mengambil berlebihan
- Pening, rasa berputar, gangguan penglihatan dan rasa mengantuk boleh berlaku. Jangan memandu kenderaan atau terlibat dalam

# LANPRO GASTRO-RESISTANT CAPSULES

Lansoprazole (30 mg)

kerja-kerja mesin berat atau dalam aktiviti lain yang berpotensi berbahaya di mana perhatian diperlukan.

## - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Reaksi alergi seperti kesukaran bernafas, bengkak pada muka atau tekak. Hubungi doktor anda dengan segera dan berhenti mengambil Lanpro
- Cirit-birit semasa menggunakan lansoprazole
- Sekiranya doktor anda memberi anda Lanpro sebagai tambahan kepada ubat-ubatan lain (antibiotik) yang bertujuan untuk rawatan jangkitan *Helicobacter pylori*: sila baca juga risalah ubat-ubatan tersebut dengan teliti

## **Kesan-kesan sampingan**

Setiap ubat boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan dan mungkin berbeza dari individu ke individu. Selepas mengambil lansoprazole, anda mungkin mengalami sakit kepala, sembelit (najis keras), anoreksia (gangguan makan), rasa loya atau tidak sihat, mulut kering, ruam, gatal-gatal dan perubahan nilai ujian fungsi hati. Kesan sampingan lain yang lebih jarang termasuk perubahan dalam jumlah sel darah.

Sekiranya anda mendapat apa-apa kesan sampingan bercakap dengan doktor anda. Anda juga mungkin mengalami sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.

Apabila anda mengambil ubat ini, doktor anda akan memantau anda (terutamanya jika anda mengambilnya untuk jangka masa panjang). Oleh itu, anda harus melaporkan apa-apa gejala dan keadaan baru dan luar biasa kepada doktor anda. Sila beritahu doktor dengan segera jika anda mendapat sebarang gejala di bawah:

- Ruam (terutamanya di bahagian yang terdedah kepada matahari), mungkin dengan sakit pada sendi. (*Subacute Cutaneous Lupus Erythematosus, SCLE*)

- Demam, keletihan yang melampau, nanah / darah dalam air kencing.
- Kontraksi otot yang tidak terkawal, kekeliruan, kejang, pening, peningkatan kadar denyutan jantung
- Keretakan pinggul, gelang tangan atau tulang belakang.
- Cirit birit, sakit perut dan demam yang berterusan.
- Anemia (kulit pucat, kelemahan, kelesuan atau pening), sesak nafas, lidah licin, masalah saraf (kebas atau kesemutan, kelemahan otot dan masalah berjalan), kehilangan penglihatan dan masalah mental (kemurungan, kehilangan ingatan atau perubahan tingkah laku).

a) *Subacute Cutaneous Lupus Erythematosus (SCLE)*

Kekerapan "tidak diketahui"

b) *Interstitial Nephritis*

Masalah buah pinggang

c) *Hypomagnesaemia*

Kekerapan "tidak diketahui": Tahap rendah magnesium juga boleh menyebabkan pengurangan kadar kalium atau kalsium dalam darah.

d) *Keretakan tulang*

Kekerapan "tidak biasa": Beritahu doktor anda jika anda mempunyai osteoporosis atau jika anda mengambil kortikosteroid (yang boleh meningkatkan risiko osteoporosis).

e) *Cirit-birit Clostridium Difficile*

Cirit-birit yang teruk yang mungkin disebabkan oleh jangkitan (*Clostridium difficile*) di usus anda.

f) *Fundic Gland Polyps (benigna)*

Kekerapan "Biasa": Polip benigna di dalam perut

g) *Kekurangan Vitamin B12*

Perencat pam proton boleh menyebabkan kekurangan vitamin B12.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers

ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public-> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan**

### - Penyimpanan

Kapsul Lanpro perlu disimpan di bawah 30°C, melindunginya dari cahaya dan kelembapan dan memastikan kapsul Lanpro tidak dapat dicapai oleh kanak-kanak.

### - Pelupusan

Buang kapsul Lanpro jika tidak diperlukan selepas berbincang dengan ahli farmasi anda. Jangan buangnya di dalam tong sampah atau di tempat lain. Jangan menyimpan kapsul Lanpro selepas tarikh luput.

## **Maklumat lanjut**

### - Rupa dan warna produk

Pelet berbentuk sfera berwarna putih ke putih kekuningan dalam kapsul biru muda dan putih legap dengan 'LANPRO' dicetak dengan warna hitam pada badan dan penutup kapsul.

### - Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif: Lansoprazole

-Bahan tidak aktif: Mannitol, Hydroxy Propyl Methyl Cellulose, Methacrylic acid-copolymer dispersion, Light Magnesium Carbonate, Disodium hydrogen ortho phosphate, Diethyl phthalate, Sucrose, Titanium dioxide, Povidone, Calcium CMC, Talc, Sugar Spheres, Tween-80, Sodium Hydroxide, Hard Gelatin capsule shell

- Nombor MAL:MAL10033131AZ

## **Pengilang**

Unichem Laboratories Ltd.  
15, 16, 17A, 17 & 18, Pilerne Ind. Estate, Pilerne, Bardez, Goa 403 511 India.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Healol Pharmaceuticals Sdn Bhd.  
74 -3 Jalan Wangsa Delima 6,  
KLSC Wangsa Maju,  
53300 Kuala Lumpur, Malaysia.

# **LANPRO GASTRO-RESISTANT CAPSULES**

Lansoprazole (30 mg)

---

**Tarikh kemaskini RiMUP**

17/07/2018

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)170718/00197